

CNS4001

U GB 19-05 00178 BC151

aab

PM - New Zealand

SKOP DAN PELUANG YANG LUAS BAGI KERJASAMA PERDAGANGAN NZ-MALAYSIA

I

KUALA LUMPUR, 19 Mei (Bernama) -- Skop dan peluang adalah begitu luas bagi usahawan New Zealand dan Malaysia untuk bekerjasama dalam menggalakkan perdagangan dan pelaburan antara kedua-dua negara, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini.

Beliau berkata, Malaysia menyambut baik penyertaan New Zealand dalam program pembangunan ekonomi Malaysia dan begitu juga Malaysia berminat menerokai peluang ekonomi di New Zealand.

"Kedua-dua pihak patut berusaha meningkatkan jumlah perdagangan," katanya pada jamuan malam bagi meraikan Perdana Menteri New Zealand James Bolger, di Sri Perdana di sini. Bolger dan isteri, Joan, tiba di sini semalam untuk lawatan rasmi tiga hari.

Dr Mahathir menjelaskan bahawa majlis-majlis perniagaan yang ditubuhkan di kedua-dua negara adalah di barisan hadapan bagi menjayakan matlamat menggalakkan interaksi ekonomi yang lebih lagi di antara kedua-dua negara.

Beliau juga menyentuh usaha serius New Zealand dalam menggalakkan hubungan dengan jiran terdekat di rantau Asia Tenggara menerusi dasarnya Asia 2000. -- Lagi.

▼19/05/22-31MST

CNS4002

U GB 19-05 00160 BC152

aab

PM - New Zealand 2 Kuala Lumpur

Ia merupakan langkah membina yang akan memberi manfaat kepada New Zealand dalam jangka panjang dan hubungan lamanya dengan negara-negara di rantau ini, termasuk Malaysia, akan terbukti sebagai satu aset yang berharga, katanya.

Beliau berkata, New Zealand telah memberi sumbangan penting terhadap pembangunan sosio-ekonomi negara-negara Asean serta pencapaian keamanan dan kestabilan di rantau ini.

Katanya, Malaysia dan New Zealand turut secara bersama komited terhadap dasar perdagangan bebas di kalangan negara dan bersama-sama berusaha memastikan hasil segera Rundingan Uruguay bagi perbincangan perdagangan pelbagai hala.

"Kita perlu bekerjasama bagi memelihara kepentingan kita. Adalah penting selepas Marakkesh, tidak ada syarat-syarat dan halangan baru diperkenalkan yang bukan sahaja akan menggagalkan pencapaian yang sukar diperolehi bagi rundingan GATT malahan menyentap pembangunan sosio-ekonomi negara sedang membangun," katanya.

Mengenai arena antarabangsa, Dr Mahathir memuji keputusan New Zealand menyediakan lebih banyak tentera bagi pasukan pengaman di Bosnia-Herzegovina.

-- Lagi.

▼19/05/22-34MST

CNS4003

U GB 19-05 00140 BC153

aab

PM - New Zealand 3 Kuala Lumpur

Beliau berkata, keganasan pengganas Serb tidak sepatutnya dibiarkan berterusan dan Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu perlu mengambil tindakan untuk menarik sekatan senjata bagi membenarkan rakyat Bosnia mempertahankan diri mereka.

"Anggota pasukan pengaman tidak berguna jika mereka berundur ketika menghadapi kedegilan pengganas Serb. Jika mereka tidak bersedia menanggung risiko mereka hendaklah membenarkan rakyat Bosnia mempertahankan diri," katanya.

New Zealand adalah anggota tidak tetap Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu.

Dr Mahathir berkata, kuasa veto yang diberikan kepada anggota-anggota tetap Majlis Keselamatan itu perlu dikaji semula dan anggota majlis berkenaan juga hendaklah diperluaskan untuk mengambil kira keadaan sekarang.

Beliau berkata: "Kredibiliti Bangsa-bangsa Bersatu adalah amat merosot. Kecuali ia lebih bertegas, ia akan bertukar kepada satu badan kebajikan yang mengagihkan bantuan selepas kejadian itu." -- Lagi.

▼19/05/22-41MST

CNS4006

R GB 19-05 00164 BC154

AAB

PM - New Zealand 4 (akhir) Kuala Lumpur

New Zealand menjangka akan "lebih terbabit" dengan Asia menjelang tahun 2000, kata James Bolger.

Beliau berkata, kerajaannya meletakkan sasaran untuk hubungan masa depan New Zealand dengan Asia dikenali "Asia 2000".

"Wawasan kami ialah menjelang abad itu kami berharap New Zealand terbabit secara lebih dekat dalam politik, ekonomi dan sosial Asia," katanya dalam ucapan balasnya pada jamuan itu.

Bolger berkata, "dalam mengetengahkan dasar ini beliau mempunyai keyakinan bahawa New Zealand boleh dan akan meningkatkan sumbangan berharga terhadap kekayaan dan kepelbagaian di Asia".

Katanya, komitmen tentera New Zealand semasa Darurat di Malaya pada 1955, mencerminkan peralihan penekanan daripada warisan Eropah kepada kepentingan dan komitmen terhadap pembangunan yang lebih erat di rantau ini.

Beliau berkata, New Zealand dan Malaysia berkongsi banyak kepentingan sama dan menambah bahawa hubungan politik dan pertahanan yang kuat kini diperluaskan dengan menjalinkan hubungan perdagangan dan ekonomi. --

Bernama

MGM CR